

ABSTRAK

Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua merupakan suatu proses yang agak sukar oleh seseorang pelajar, lebih-lebih lagi kepada pelajar Melayu yang tidak terdedah secara langsung kepada persekitaran bahasa Arab. Oleh itu, guru perlu mencorak minat pelajar untuk berfikir dalam konteks bahasa Arab dan pada masa yang sama, menulis bahasa tersebut menurut apa yang difahami.

Kajian ini menjurus secara langsung kepada bidang psikolinguistik, di mana ia menggabungkan aspek kognitif dan kemahiran menulis. Kajian yang dijalankan ini menggunakan teknik kajian perpustakaan dan lapangan. Untuk tujuan kajian ini, soal selidik telah diedarkan kepada sepuluh orang guru bahasa Arab yang mengajar “Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu”. Di samping itu, ujian kemahiran menulis juga telah dijalankan ke atas lima puluh orang pelajar tingkatan satu. Mereka dipilih daripada dua buah sekolah di negeri Selangor iaitu SMK Sungai Pusu dan SMK Gombak Setia.

Terdapat dua bentuk soalan yang digunakan untuk ujian tersebut. Pertama ialah soalan yang dipetik daripada buku teks dan kedua ialah soalan yang digubal sendiri oleh penulis. Markah yang diperoleh daripada ujian tersebut dianalisis. Di samping itu juga penulis telah menganalisa bilangan soalan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks tersebut dan bentuk-bentuk latihan yang dipersembahkan.

Dapatkan daripada kajian yang dijalankan, menunjukkan kandungan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks belum begitu menyeluruh dan tidak dipelbagaikan bentuk persembahannya.

ABSTRACT

Learning Arabic as a second language is a difficult process for a student, especially a Malay student who is not directly exposed to the environment of Arabic language. Thus, it is the task of a teacher to develop the interest of the students to think in the Arabic language context and at the same time, write the language as they have understood it.

This research which is related to psycholinguistics, combines both thinking and writing skills. This study is based on library and field research. For this purpose, questionnaires have been distributed to ten teachers who teach the subject “Arabic Language For Communication” to Form One students. A writing assessment test was also conducted on fifty Form One students. They are chosen from two schools in Selangor, i.e., SMK Sungai Pusu and SMK Gombak Setia.

There are two sets of questions used for the test. First, those copied from the text book and second, those prepared by the researcher. The result of the assessment test was analyzed. The questions on the writing skills in the text book, their contents and structures were also studied.

It can be concluded from this research that the contents of the writing skills exercises in the text book are not comprehensive while their structures are not well presented.